



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 71  
Bil. 8

**12hb April 2018**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

NATIONAL FORESTRY ACT 1984

ENAKMEN AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984 (PEMAKAIAN) 1985

NATIONAL FORESTRY ACT 1984 (ADOPTION) ENACTMENT 1985

**No. 1055.**

PENGELUARAN SEBAHAGIAN KAWASAN TANAH  
DARIPADA HUTAN SIMPAN PIAH

EXCISION OF PART OF LAND FROM  
THE PIAH FOREST RESERVE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 11 dan 13 Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*], seperti yang diterima pakai oleh Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 [*Enakmen Bil. 3 Tahun 1985*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengisyiharkan bahawa mulai dari tarikh disiarkan Pemberitahuan ini dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak*, kawasan yang dinyatakan dalam Jadual yang menjadi sebahagian daripada kawasan yang diisyiharkan sebagai Hutan Simpan Piah yang diisyiharkan melalui *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* No. 105 bertarikh 14 Januari 1991 hendaklah terhenti daripada menjadi sebahagian Hutan Simpan Kekal itu.

## JADUAL

Kawasan seluas lebih kurang 7.92 hektar (19.57 ekar) dalam Mukim Pulau Kamiri, Daerah Kuala Kangsar bergaris tepi warna kelabu pada P.W. 4628 yang tersimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Perak.

Bertarikh 29 Mac 2018

[PTG.Pk. 249/10-121(E); PTSS 1/2/43-95;  
PUPKW 303\_2017; PU.Pk. 67/71-47 Jld. 5]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan*

*Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by Sections 11 and 13 of the National Forestry Act 1984 [*Act 313*], as adopted by the National Forestry Act 1984 (Adoption) Enactment 1985 [*Enactment No. 3 of 1985*], the State Authority declares that from the date of publication of this Notification in the Perak Government *Gazette*, the area described in the Schedule being part of the area declared as the Piah Forest Reserve published *vide* Federated Malay States Government *Gazette* No. 105 dated 14 January 1921 shall cease to be part of the Permanent Reserved Forest.

## SCHEUDLE

The area of approximately 7.92 hectares (19.57 acres) in the Mukim of Pulau Kamiri, District of Kuala Kangsar outlined in grey on P.W. 4628 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping, Perak.

Dated 29 March 2018

[PTG.Pk. 249/10-121(E); PTSS 1/2/43-95;  
PUPKW 303\_2017; PU.Pk. 67/71-47 Jld. 5]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB

*Secretary*

*State Executive Council*

*Perak Darul Ridzuan*

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 Tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 1056.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAK SUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Bandar Seri Iskandar, Daerah Perak Tengah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk padang awam dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Daerah Perak Tengah.

JADUAL

Daerah—Perak Tengah. Bandar—Seri Iskandar. No. Pelan—P.W. 4475. No. Lot—15850. Luas—2.613 hektar.

Bertarikh 23 Mac 2018  
[PTG.Pk. 231/2-3 Jld. 4(C); PTSI. 01/08-07-15/11;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 86]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Bandar Seri Iskandar, District of Perak Tengah described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a public park and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Perak Tengah District Council.

## SCHEDULE

District—Perak Tengah. Bandar—Seri Iskandar. Plan No.—P.W. 4475. Lot No.—15850. Area—2.613 hectares.

Dated 23 March 2018  
 [PTG.Pk. 231/2-3 Jld. 4(C); PTSI. 01/08-07-15/11;  
 PU.Pk. 67/71-54 Jld. 86]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB

*Secretary*

*State Executive Council*

*Perak Darul Ridzuan*

**No. 1057.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Ganda Temenggor, Mukim Kenering, Daerah Hulu Perak yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk bagan kerbau dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak.

## JADUAL

Daerah—Hulu Perak. Mukim—Kenering. No. Pelan—P.W. 4061. Luas—110.6 hektar.

Bertarikh 30 Mac 2018  
 [PTG.Pk. 238/5-12(C); PT.GK.4A/118/81;  
 PU.Pk. 67/71-54 Jld. 86]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan*

*Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Ganda Temenggor, Mukim of Kenering, District of Hulu Perak described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for buffalo grazing ground and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Perak State Department of Veterinary Services.

## SCHEDULE

District—Hulu Perak. Mukim—Kenering. Plan No.—P.W. 4061. Area—110.6 hectares.

Dated 30 March 2018  
[PTG.Pk. 238/5-12(C); PT.GK.4A/118/81;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 86]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

**No. 1058.**

[Subseksyen 64(2)]

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH

[Subsection 64(2)]

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 5861 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* pada 22 September 1922, Residen Perak, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 9 Enakmen Tanah, 1911 telah mengisytiharkan bahagian tanah yang terletak di Gerik, yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas Pelan No. 4-6 yang dideposit di Pejabat Penguasa Hasil Ukur, Taiping, sebagai tanah rizab bagi maksud tapak kebun sayur yang diselenggarakan oleh Pegawai Daerah Hulu Perak dan pembantunya di pejabatnya;

Dan bahawasanya, adalah kini didapati suai manfaat oleh pihak Berkuasa Negeri bahawa perizaban yang disebut terdahulu itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual perlu dibatalkan;

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 Tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun yang sama mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban tersebut sebagaimana diperihalkan dalam Jadual dan sesiapa ju yang ingin membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak dalam satu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak, Gerik pada 24 Mei 2018 jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

1244

[12hb April 2018]

## JADUAL

Daerah—Hulu Perak. Mukim—Gerik. No. Pelan—4-6. No. Lot—1984. Luas—2 rood 11 pol.

Bertarikh 19 Mac 2018

[PTG.Pk. 238/4-38(C); PT.GK.4A/201/86;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 85]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Perak Darul Ridzuan*

Whereas, by Notification No. 5861 published in the Federated Malay States Government *Gazette* on 22 September 1922, the Resident of Perak, in exercise of the powers vested in him by Section 9 of the Land Enactment 1911, proclaims that parcel of land situated at Gerik, described in the Schedule, and delineated upon revenue survey Plan No. 4-6, deposited in the office of the Superintendent of Revenue Surveys, Taiping to be a reserve for the purpose of a vegetable garden to be maintained by the Hulu Perak District Officer;

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation as described in the Schedule should be revoked;

Now therefore, in exercise of the powers conferred upon the State Authority under subsection 64(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority hereby gives notice under subsection 64(2) of the same Code of the proposal to revoke the reservation as described in the Schedule and those who wish to object to such revocation will be heard by the Director of Lands and Mines Perak in an inquiry to be held at the Meeting Room, District and Land Office of Hulu Perak, Gerik on 24 May 2018 from 8.00 a.m. to 1.00 p.m.

## SCHEDULE

District—Hulu Perak. Mukim—Gerik. Plan No.—4-6. Lot No.—1984. Area—2 roods 11 poles.

Dated 19 March 2018

[PTG.Pk. 238/4-38(C); PT.GK.4A/201/86;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 85]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB

*Secretary*

*State Executive Council  
Perak Darul Ridzuan*

---

**No. 1059.**

[Subseksyen 64(2)]

## PEMBATALAN PERIZABAN TANAH

[Subsection 64(2)]

## REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 486 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu* pada 12 Mac 1953, Raja dalam Mesyuarat, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah subseksyen 24(i) Kanun Tanah, telah mengisyiharkan bahagian tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas Pelan No. 19,902 yang tersimpan di Pejabat Ketua Ukur, Perak sebagai tanah rizab bagi maksud Pusat Latihan Pegawai Penjara dan akan mengarahkan tanah rizab tersebut dikawal oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Perak;

Dan bahawasanya, adalah kini didapati suai manfaat oleh pihak Berkuasa Negeri bahawa perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual;

Maka, oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 Tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu, mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban tersebut sebagaimana diperihalkan dalam Jadual dan sesiapa ju yang ingin membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak dalam satu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang dan Selama pada 23 Mei 2018 jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang.

## JADUAL

Daerah—Larut, Matang dan Selama. Mukim—Asam Kumbang. No. Pelan—19,902. No. Lot—2309 (11978) dan 2310. Luas—5 ekar 28 pol dan 2 ekar 1 rod 37 pol.

Bertarikh 23 Mac 2018

[PTG.Pk. 502/8/28(C); PTLM. 352/1/2011/01;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 86]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Perak Darul Ridzuan*

Whereas, by Notification No. 486 published in the Federated of Malaya Government *Gazette* on 12 March 1953, the Ruler in Council, in exercise of the powers conferred upon him by subsection (i) of Section 24 of the Land Code, proclaimed that the parcel of land described in the Schedule, and delineated upon revenue survey Plan No. 19,902 deposited in the Office of the Chief Surveyor, Perak for the purpose of a site for Warders Training Depot and directs that the said reserve be under control of the State Secretary of Perak;

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation should be revoked as described in the Schedule;

Now therefore, in exercise of the powers conferred upon the State Authority under subsection 64(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority hereby gives notice under subsection 64(2) of the Code of the proposal to revoke the reservation described in the Schedule and those who wish to object to such revocation will be heard by the Director of Lands and Mines Perak in an inquiry to be held at the Meeting Room, District and Land Office of Larut, Matang and Selama on 23 May 2018 from 8.00 a.m. to 1.00 p.m.

#### SCHEDULE

District—Larut, Matang and Selama. Mukim—Asam Kumbang. Plan No.—19,902. Lot No.—2309 (11978) and 2310. Area—5 acres 28 poles and 2 acres 1 rod 37 poles.

Dated 23 March 2018  
 [PTG.Pk. 502/8/28(C); PTLM. 352/1/2011/01;  
 PU.Pk. 67/71-54 Jld. 86]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

#### No. 1060.

(Seksyen 257 dan 263)

#### PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Fairul Nizar bin Ahmad, Penolong Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh Seksyen 263 Kanun Tanah Negara dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan cara lelongan awam, yang akan diadakan pada hari Rabu, 18 April 2018 jam 11.00 pagi, di Perkarangan Pejabat Tanah Sungai Siput, Perak Darul Ridzuan.
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM500,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Ribu sahaja)
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh siasatan ialah—
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM50,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Ribu sahaja).
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana akaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (1) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari dari tarikh jualan iaitu, tidak lewat dari tarikh — dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan hak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah Seksyen 267A.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Siput. No. Lot—3880. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1198. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1016/2011.

Bertarikh 1 November 2017  
[PTSS(F/C) 11/2017]

FAIRUL NIZAR BIN AHMAD  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Sungai Siput*

**No. 1061.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Anita binti Amri, Penolong Pentadbir Tanah Kerian, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tidak dipecahkan atas tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan:

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu.

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Selasa, 15 Mei 2018 pada jam 10.30 pagi, di Pejabat Tanah Kerian, 34200 Parit Buntar, Perak Darul Ridzuan.
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM153,000.00 (Ringgit Malaysia: Seratus Lima Puluh Tiga Ribu sahaja)
  - (c) luar simpanan melayu.
2. Bahawa saya dapati jumlah yang perlu dijelaskan kepada pemegang gadai pada tarikh 3.10.2017 ialah RM128,058.30 Bank Muamalat Malaysia Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas iaitu sebanyak RM15,300.00 (Ringgit Malaysia: Lima Belas Ribu Tiga Ratus sahaja). Bagi penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki mendepositkan dalam bentuk bank draf atas nama Bank Muamalat Malaysia Berhad.

- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
  - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
  - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (1) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 12 September 2018 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d) jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah Seksyen 267.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Parit Buntar. No. Lot—11766. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3911. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Per. No.: 1139/2005.

Bertarikh 6 Mac 2018  
[PTK(FC) 369/17/11]

ANITA BINTI AMRI  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Kerian*

#### No. 1062.

(Seksyen 257 dan 263)

#### PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Abdul Basir bin Abdul Hadi, Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh Seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual dibawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 26 April 2018 pada 10.30 pagi di Pejabat Tanah, Ipoh.
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM208,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Lapan Ribu sahaja)
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM174,841.94 (sehingga 10.8.2017) RHB Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM20,800.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Ribu Lapan Ratus sahaja).
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (1) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 23 Ogos 2018 dan bahawa tiada ada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d) jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah Seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Hulu Kinta. No. Lot—304220 (P.T. 143799). Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 21870 (H.S.(M) UK9237). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Per.: 633/1999 Jld.: 94 Fol.: 31.

Bertarikh 30 Mac 2018  
[PTK(I) 700/7/2016-39]  
(Lelongan 1)

ABDUL BASIR BIN ABDUL HADI  
*b.p. Pentadbir Tanah Kinta*  
*Ipoh*

AKTA PENGAMBILAN TANAH, 1960

(Akta 486)

LAND ACQUISITION ACT, 1960

(Act 486)

No. 1063.

(Seksyen 4)

NOTIS BAHAWA TANAH BERKEMUNGKINAN AKAN DIAMBIL

(Section 4)

NOTICE THAT LAND IS LIKELY TO BE ACQUIRED

Adalah dengan ini diberitahu bahawa tanah-tanah di tempat yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, termasuk mana-mana tanah, jika ada, yang dinyatakan mengikut nombor lotnya atau mengikut nombor lot tanah-tanah yang bersempadan dengannya, mungkin diperlukan bagi maksud-maksud yang berikut:

Tapak Tambahan SJK(C) Sin Hwa (Tionghua) di Wilayah Pekan Lama,  
Mukim Parit Buntar Daerah Kerian.

2. Selanjutnya adalah diberitahu bahawa mana-mana orang yang diberikuasa oleh Pengarah Negeri bagi maksud itu boleh memasuki mana-mana tanah di tempat itu bagi tujuan memeriksa tanah tersebut dan menjalankan kerja-kerja ukur. Pampasan akan dibayar jika berlaku apa-apa kerosakan pada masa menjalankan kerja sedemikian. Apa-apa pertikaian mengenai amaun pampasan itu hendaklah dirujukkan kepada Pentadbir Tanah di Pejabat Daerah dan Tanah Kerian.

It is hereby notified that lands in locality described in Schedule hereto, including those lands, if any, specified by lot number or by the lot numbers of neighbouring lands, are likely to be needed for following purpose:

Tapak Tambahan SJK(C) Sin Hwa (Tionghua) di Wilayah Pekan Lama, Mukim Parit Buntar Daerah Kerian.

2. It is further notified that any person authorized by State Director in that behalf may enter upon any land in such locality in order to examine it undertake survey operations. If any damage is done in the course of such work compensation therefor will be paid. Any dispute as to the amount of such compensation will be referred to the Land Administrator at Kerian District and Land Office.

#### JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Kerian  
Mukim/Bandar/Township—Parit Buntar.

Perihal Kawasan/Description of the locality:

Bil.	No. Lot	No. Hakmilik	No. Syit
		P.N.	
1	1925	153253	2 - 5

Bertarikh 5 April 2018  
Dated 5 April 2018  
[PTG.Pk. 176/6-62(C)]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD  
*Pengarah Tanah dan Galian Negeri/  
State Director of Lands and Mines  
Perak*

#### No. 1064.

(Seksyen 4)

NOTIS BAHAWA TANAH BERKEMUNGKINAN AKAN DIAMBIL

(Section 4)

NOTICE THAT LAND IS LIKELY TO BE ACQUIRED

Adalah dengan ini diberitahu bahawa tanah-tanah di tempat yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini, termasuk mana-mana tanah, jika ada, yang dinyatakan mengikut nombor lotnya atau mengikut nombor lot tanah-tanah yang bersempadan dengannya, mungkin diperlukan bagi maksud-maksud yang berikut:

Skim Pembangunan Bercampur di Wilayah Pekan Lama, Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian.

2. Selanjutnya adalah diberitahu bahawa mana-mana orang yang diberikuasa oleh Pengarah Negeri bagi maksud itu boleh memasuki mana-mana tanah di tempat itu bagi tujuan memeriksa tanah tersebut dan menjalankan kerja-kerja ukur. Pampasan akan dibayar jika berlaku apa-apa kerosakan pada masa menjalankan kerja sedemikian. Apa-apa pertikaian mengenai amaun pampasan itu hendaklah dirujukkan kepada Pentadbir Tanah di Pejabat Daerah dan Tanah Kerian.

It is hereby notified that lands in locality described in Schedule hereto, including those lands, if any, specified by lot number or by the lot numbers of neighbouring lands, are likely to be needed for following purpose:

**Skim Pembangunan Bercampur di Wilayah Pekan Lama, Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian.**

2. It is further notified that any person authorized by State Director in that behalf may enter upon any land in such locality in order to examine it undertake survey operations. If any demage is done in the course of such work compensation therefor will be paid. Any dispute as to the amount of such compensation will be referred to the Land Administrator at Kerian District and Land Office.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Kerian  
Mukim/Bandar/Township—Parit Buntar.

Perihal Kawasan/Description of the locality:

Bil.	No. Lot	No. Hakmilik GRN	No. Syit
1.	130	63419	329
2.	1945	P.N. 151991	329
3.	1944	GRN 58007	329
4.	1943	58008	329
5.	1768	P.N. 153008	329

Bertarikh 5 April 2018  
Dated 5 April 2018  
[PTG.Pk. 176/6-61(C)]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD  
*Pengarah Tanah dan Galian Negeri/  
State Director of Lands and Mines  
Perak*

**No. 1065.**

(Seksyen 8)

**PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN**

(Section 8)

**DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION**

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] untuk tujuan Tapak Tambahan SJK(C) Sin Hwa (Tionghua) di Wilayah Pekan Lama, Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa pada waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

Land Acquisition under section 3(1)(a) of the Land Acquisition Act 1960 [Act 486] for the purpose of Tapak Tambahan SJK(C) Sin Hwa (Tionghua) di Wilayah Pekan Lama, Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian.

2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the district in which such lands and areas are situated.

**JADUAL/SCHEDULE****Daerah/District—Kerian. Mukim—Parit Buntar.**

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya Berdaftar atau Penduduk Yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan Yang akan Diambil
Survey Lot No.	Title or Occupation	Registered Proprietor or Recorded Occupant	Area of Lot	Approximate Area to be Acquired
			METER PERSEGI/ SQUARE METRES	METER PERSEGI/ SQUARE METRES
	P.N.			
1925	153253	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1/1 bhg. Pajakan keseluruhan tanah kepada Padiberas Nasional Berhad.	5134.4409	5134.4409

Bertarikh 5 April 2018  
Dated 5 April 2018  
[PTG.Pk. 176/6-62(C)]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD  
*Pengarah Tanah dan Galian Negeri/  
State Director of Lands and Mines  
Perak*

**No. 1066.**

(Seksyen 8)

## PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

## DECLARATION OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Act 486*] untuk tujuan Skim Pembangunan Bercampur di Wilayah Pekan Lama, Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian.

2. Pelan bagi tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa pada waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi daerah tempat letaknya tanah-tanah dan kawasan-kawasan itu.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

Land Acquisition under section 3(1)(a) of the Land Acquisition Act 1960 [*Act 486*] for the purpose of Skim Pembangunan Bercampur di Wilayah Pekan Lama, Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian.

2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the district in which such lands and areas are situated.

## JADUAL/SCHEDULE

## Daerah/District—Kerian. Mukim—Parit Buntar.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya Berdaftar atau Penduduk Yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan Yang akan Diambil
Survey Lot No.	Title or Occupation	Registered Proprietor or Recorded Occupant	Area of Lot	Approximate Area to be Acquired
	GRN		HEKTAR/ HECTARES	HEKTAR/ HECTARES
130	63419	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1/1 bhg. Pajakan keseluruhan tanah kepada Padiberas Nasional Berhad	0.7568	0.75687
	P.N.		METER PERSEGI/ SQUARE METRES	METER PERSEGI/ SQUARE METRES
1945	151991	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1/1 bhg. Pajakan keseluruhan tanah kepada Padiberas Nasional Berhad	6955.5234	6955.5234

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

1256

[12hb April 2018]

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan Punya Berdaftar atau Penduduk Yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan Yang akan Diambil
Survey Lot No.	Title or Occupation	Registered Proprietor or Recorded Occupant	Area of Lot	Approximate Area to be Acquired
	GRN		HEKTAR/ HECTARES	HEKTAR/ HECTARES
1944	58007	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1/1 bhg. Pajakan keseluruhan tanah kepada Padiberas Nasional Berhad	0.129	0.129
1943	58008	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1/1 bhg. Pajakan keseluruhan tanah kepada Padiberas Nasional Berhad	0.0379	0.0379
1768	153008	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1/1 bhg. Pajakan keseluruhan tanah kepada Padiberas Nasional Berhad	0.0531	0.0531

Bertarikh 5 April 2018

Dated 5 April 2018  
[PTG.Pk. 176/6-62(C)]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD  
*Pengarah Tanah dan Galian Negeri/  
State Director of Lands and Mines  
Perak*

**Hakcipta Pencetak(H)**

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA